

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani,
Salam PLANMalaysia Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara


Alhamdulillah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN) telah berjaya menghasilkan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 3 (2025) yang terkini dan komprehensif, menggantikan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 yang telah diterbitkan pada tahun 2019. Manual ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan data geospasial Rancangan Pemajuan.

Manual GIS Versi 3 ini juga dihasilkan selaras dengan fungsi PLANMalaysia selaku *custodian* bagi data guna tanah perancangan dan bertanggungjawab dalam menguruskan kepentingan data perancangan yang digunakan khususnya dalam pembangunan guna tanah negara. Selaras dengan itu, PLANMalaysia sentiasa komited dan berusaha untuk memastikan pengurusan dan perkongsian data guna tanah perancangan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.



Penghasilan Manual GIS ini juga menyokong iltizam Jabatan dalam memastikan penyediaan data geospasial guna tanah perancangan yang berkualiti, selari dengan *Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics – Feature and Attribute Codes (MS1759)* dan seterusnya dapat merealisasikan PLANMalaysia sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan manual ini.



DATUK TPr DR. ALIAS BIN RAMELI
Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)